

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PELANCARAN KEMPEN BULAN KESELAMATAN DAN**  
**KESIHATAN PEKERJAAN 2000**  
**DI DEWAN TUN HUSEIN ONN, PWTC**  
**19 OKTOBER 2000**

-----

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kerana menjemput dan memberi kesempatan kepada saya untuk berucap dan seterusnya melancarkan Kempen Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2000 pada pagi ini.

2. Kempen Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang akan dilancarkan sebentar lagi merupakan peristiwa penting untuk kita mengenang kembali segala usaha yang telah dijalankan selama ini ke arah mewujudkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang menjurus kepada pembentukan `Budaya Kerja Selamat dan Sihat' di kalangan masyarakat. Pembentukan budaya ini telah dimulakan sejak tahun 1994 lagi dimana pada ketika itu kita sedar hanya pembentukan budaya sahajalah merupakan cara terbaik bagi penyelesaian jangka panjang yang berkesan untuk menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kita semua sedia maklum untuk membudayakan sesuatu masyarakat memerlukan usaha yang gigih oleh semua pihak dan ianya juga mengambil masa yang agak lama untuk dicapai. Bagi memastikan kejayaan ini, dari semasa ke semasa kita perlu mengkaji sejauh manakah kejayaan yang telah kita capai dan adakah ianya memerlukan perubahan atau pembaharuan terutama dari segi pendekatan yang diambil.

3. Dengan terbentuknya budaya kerja selamat dan sihat di kalangan masyarakat kita akan sentiasa bersedia menghadapi segala kemungkinan di segi cabaran- cabaran baru yang mungkin timbul di tempat kerja di masa hadapan. Semua syarikat di negara kita wajar mengambil pendekatan mengamalkan kerja selamat dan sihat di mana risiko yang terhasil daripada aktiviti di tempat kerja dapat dikawal dengan berkesan. Pengawalan risiko ini menyebabkan keadaan tempat kerja adalah selamat kepada pekerja di mana kemalangan, keracunan dan penyakit pekerjaan dapat dibendung dan dicegah. Keadaan tersebut membolehkan pekerja bekerja dengan tekun, efisien dan produktif. Ini membolehkan syarikat mengeluarkan produk dan perkhidmatan berkualiti dan dapat beroperasi secara berterusan dalam jangka masa yang panjang. Produktiviti syarikat akan terus meningkat dan secara tidak langsung ianya akan membantu peningkatan kepada produktiviti negara.

4. Pihak kerajaan adalah komited dengan pembentukan `Budaya Kerja Selamat dan Sihat' kerana ianya menjurus kepada pencapaian hasrat mempertingkatkan kualiti hidup semasa bekerja. Dengan kata lain kerajaan sangat perihatin dan amat menghendaki warga pekerja di negara ini dapat menikmati hidup yang berkualiti tanpa ditimpa oleh perkara yang negatif semasa berada di tempat kerja. Salah satu usaha kerajaan dalam hal ini ialah mengadakan sistem perundangan yang komprehensif yang merangkumi hampir keseluruhan tempat kerja di negara kita. Perundangan yang dimaksudkan ialah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau Akta 514 yang telahpun dikuatkuasakan sejak April 1994 lagi. Akta 514 ini menjurus kepada keperluan pewujudan budaya di mana pematuhannya

memerlukan usaha dan inisiatif yang bermula daripada pihak yang terlibat secara langsung dengan aktiviti di tempat kerja iaitu pihak majikan dan pihak pekerja. Pendekatan Akta 514 ini telah lama dilaksanakan di negara maju dan kita merupakan negara pertama di Asia yang berbuat sedemikian. Akta 514 dari semasa ke semasa sentiasa diperkemas melalui pengeluaran peraturan-peraturan tertentu bagi memperjelaskan lagi kehendak-kehendak akta dan memastikan risiko yang terhasil di berbagai jenis tempat kerja dapat dikenalpasti dan dikawal dengan sempurna. Walaupun kerajaan boleh merangka undang-undang, adalah juga penting pengurusan atasan syarikat memastikan "Budaya Kerja Selamat dan Sihat" dihayati oleh semua lapisan pekerja.

5. Pembentukan dan penerapan 'Budaya Kerja Selamat dan Sihat' memerlukan pengetahuan yang merupakan perkara penting yang boleh diperolehi samada secara formal atau tidak formal. Pihak kerajaan melalui Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (IKKPN) telah menyediakan berbagai kursus yang boleh diikuti oleh pihak majikan dan pekerja bagi memberikan pengetahuan asas dan yang terkini berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pihak kerajaan juga telah mewujudkan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi merangsang dan memudahkan pihak majikan dan pekerja menghadiri kursus bagi meningkat dan menambah pengetahuan mereka di berbagai bidang termasuk juga keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dengan kata lain, kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan bagi merangsang pembentukan budaya kerja selamat dan sihat dan sewajarnya pihak majikan dan pekerja menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut dengan sepenuhnya.

6. Syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan penggerak utama ekonomi negara, sebagai contoh, bagi sektor pembuatan pada tahun 1999, ia merupakan 90% daripada keseluruhan sektor pembuatan. Dari perspektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan kebanyakan IKS masih lagi berada di tahap tidak memuaskan, jika dilihat daripada masalah yang masih belum dapat ditangani dengan berkesan. Saya ingin menyarankan pihak majikan IKS supaya menganggap keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai satu perkara yang sama penting dengan perkara lain yang berkait dengan pengurusan syarikat. Mereka hendaklah mengambil kira isu tersebut di dalam segala agenda dalam mengendalikan urusan perniagaan mereka. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebenarnya adalah merupakan pelaburan yang positif dan menguntungkan dalam tempoh jangka panjang dan bukan satu pembaziran dan beban yang merugikan. Dalam usaha kita memperbaiki lagi tahap keselamatan dan kesihatan di IKS, saya mengesyorkan di sini supaya syarikat industri besar yang sudah mantap dengan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan menjalankan tanggungjawab sosial mereka dengan membantu menaikkan taraf IKS ke suatu tahap yang lebih baik. Banyak cara yang boleh dilakukan oleh industri besar dalam perkara ini dan antaranya melalui program vendor atau program mentor ataupun program kejiranan. Program-program ini pada dasarnya menghendaki industri besar memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang bersistematik dan berkesan serta memantau prestasi pencapaiannya dari semasa ke semasa. Apa-apa peningkatan ke atas keselamatan dan kesihatan di kalangan IKS akan memberi impak yang besar kepada kualiti hidup semasa bekerja khususnya dan kualiti hidup amnya kepada segolongan besar rakyat Malaysia.

7. Kejayaan kita menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan boleh diukur dengan berbagai cara, antaranya ialah bilangan kemalangan industri yang berlaku. Data kemalangan industri di negara ini yang dikumpul dan dianalisis telah menunjukkan pencapaian yang agak memuaskan di mana negara kita merupakan

antara yang terbaik di kalangan negara membangun. Menurut rekod Perkeso, kadar kemalangan industri bagi setiap seribu pekerja telah menurun daripada 16 pada tahun 1994 kepada 11 pada tahun 1999. Jika kadar ini dibandingkan dengan negara maju, masih terdapat jurang pencapaian yang agak besar. Sebagai contoh di negara Scandinavian kadarnya ialah 3 kemalangan bagi setiap seribu pekerja. Walaupun terdapat penurunan kadar kemalangan industri, kita semua tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian tersebut kerana masih banyak lagi usaha yang perlu dijalankan bagi memastikan setiap tempat kerja adalah selamat dan sihat dan sentiasa mempunyai sistem kawalan ke atas bahaya yang ada.

8. Di sini saya ingin menyeru semua majikan agar memperbarui tekad dan berazam untuk lebih komited bagi menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain daripada itu saya juga ingin mengingatkan bahawa setiap majikan telahpun diberi tanggungjawab besar seperti yang termaktub di dalam Akta 514 bagi memastikan tempat kerja tidak memberi kesan negatif bukan sahaja kepada pekerja tetapi juga orang lain yang mungkin terlibat sama. Pihak majikan juga tidak harus lupa bahawa pihak pekerja merupakan aset terpenting yang perlu diberi perhatian khusus dari segi kebajikan dan keselesaan semasa melakukan kerja.

9. Kempen Bulan Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan ini merupakan usaha berterusan pihak kerajaan kearah menyelesaikan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Berbagai kegiatan yang dirancang untuk dilaksanakan semasa kempen ini perlu disokong oleh semua pihak bagi memastikan semua peringkat masyarakat terutamanya pihak majikan dan pekerja dapat memperolehi maklumat, pengetahuan yang boleh diamalkan bagi meninggikan taraf keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Semoga dengan usaha sebegini, penerapan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan masyarakat dapat dicapai dalam masa yang terdekat.

10. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang sentiasa komited dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga di atas usaha gigihnya menganjurkan kempen keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada tahun ini. Harapan saya, kempen ini akan dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada semua lapisan masyarakat dan negara amnya.

11. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Kempen Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2000.

Terima kasih.